

MERAGI
Greater Painted-snipe

FAMILI: Rostratulidae
NAMA SAINTIFIK: *Rostratula benghalensis*



CIRI-CIRI

Burung jantan dan betina boleh dibezakan melalui warna bulunya. Burung betina mempunyai warna yang gelap dan seragam dengan bahagian di sekeliling mata, perut dan belang di sekeliling bahu yang berwarna putih. Paruhnya sedikit bengkok di bahagian hujung. Bahagian atas kepala berwarna kehitaman dengan jalur kuning pucat yang bermula dari dasar paruh hingga belakang kepala. Bahagian lain kepala, leher dan dada atas berwarna merah tua gelap dengan jalur kuning pucat di bahagian belikat. Bagi burung jantan pula, warnanya lebih pucat dan pelbagai. Bahagian di sekeliling mata berwarna kuning pucat manakala bahagian tepi kepala, leher dan dada atas berwarna coklat kekelabuan. Selain daripada itu, terdapat tompok-tompok kuning pada bahagian sayap. Bulu burung juvenil seakan-akan burung jantan dewasa tetapi bulu pahat di bahagian sayapnya lebih kelabu dengan tompok-tompok kuning pucat yang lebih kecil. Saiz keseluruhannya ialah 23-26 sm.

MAKANAN

Spesies ini merupakan spesies yang aktif mencari makan di waktu senja. Semasa mencari makan, paruhnya akan dimasukkan ke dalam lumpur atau digerakkan ke kiri dan ke kanan di kawasan berair yang cetek untuk mendapatkan makanan seperti ketam, cacing dan lain-lain invertebrata.

HABITAT

Kebiasaannya, spesies ini ditemui di kawasan paya dan kawasan sawah padi sehingga ke ketinggian 1, 525 dari aras laut.

BUNYI

Burung betina biasanya mengeluarkan bunyi *kook* yang bersiri atau *koh* bagi menandakan kawasannya pada waktu senja dan malam.

PEMBIAKAN

Musim pembiakannya adalah antara bulan April hingga Ogos dan sarang biasanya dibina antara vegetasi atau d mengandungi 3-4 biji telur yang berwarna kuning pucat dengan tompok coklat kehitaman.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.